

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapa jumlah bilangan peraih-peraih getah berlesen di bawah Kementerian yang beroperasi membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara dan apakah mekanisme kawalan dan pemantauan yang diguna pakai untuk memastikan penyelewengan dan manipulasi harga belian tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan peraih adalah **seramai 2492 orang/syarikat** di seluruh Semenanjung Malaysia.

Mekanism kawalan dan pemantauan adalah:

1. Pelesen dikenakan syarat untuk mempamerkan harga getah yang ditawarkan, setiap hari di **papan harga getah** di premis masing-masing. Denda boleh dikenakan bagi kesalahan ini.
2. Pelesen diwajibkan mengeluarkan **resit rasmi** setelah selesai urusniaga membeli getah dari pekebun kecil dan merekodkan pembelian didalam **Buku Akaun Membeli Getah**. Tindakan denda boleh dikenakan sekiranya pelesen tidak mematuhiinya.

SOALAN NO. 5

3. Penguatkuasa membuat pemeriksaan mengejut di premis-premis pelesen dengan membuat semakan rekod pembelian didalam **Buku Akaun Membeli Getah** pelesen serta resit rasmi yang di keluarkan dan rekod jualan getah kepada kilang pemprosesan di dalam **Buku Akaun Menjual Getah**.
4. Membuat **perbandingan harga setiap hari dan setiap daerah** dengan penguatkuasa menghubungi pelesen untuk mendapatkan harga yang ditawarkan kepada pekebun kecil.

Bagi harga yang terendah, siasatan akan dibuat oleh penguatkuasa Ibupejabat untuk mengenalpasti puncanya
5. Mengadakan **Program Hari Kesedaran Pelesenan dan Kualiti Getah** kepada pelesen supaya menawarkan harga yang munasabah kepada pekebun kecil.
6. Menyediakan ruang dan peluang untuk pekebun kecil membuat **aduan** dan dialog interaktif bersama LGM melalui konsep turun padang, sembang warung, dialog, program-program ipg dan patg. seluruh negara.
7. LGM kini dalam proses projek rintis system e-R1 iaitu **sistem pembelian getah secara atas talian** dimana semua rekod transaksi pembelian getah direkod secara atas talian dan pengeluaran resit secara elektronik melalui gajet mobile thermo printer.

Sekian terima kasih.